

UTHM bertaraf lima bintang audit QS

Sinar, 19/12/2014, m/s 37

JOHOR BAHRU - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melakar sejarah apabila diberi penarafan lima bintang dalam audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating dari QS Intelligence Unit, London.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, penarafan tersebut bagi kriteria pengajaran, fasiliti dan inovasi.

Menurutnya, universiti itu turut menerima penarafan tiga bintang untuk skor keseluruhan meliputi lapan kriteria diaudit iaitu penyelidikan, kebolehpasaran pekerjaan, pengajaran, fasiliti, pengantarabangsaan, inovasi, tarikan serta kejuruteraan dan teknologi.

“Keputusan audit ini membuktikan ke-

upayaan UTHM untuk bergerak setanding dengan universiti ternama lain dari dalam dan luar negara serta membuktikan keupayaan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

“Pengiktirafan antarabangsa ini juga menaikkan status dan memperkuat kedudukan universiti teknikal ini dalam menjadi universiti pilihan orang ramai,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, hasil penciptaan berkualiti dan penghasilan paten serta produk yang bersandarkan pelbagai penemuan dalam bidang kejuruteraan melayakkan universiti tersebut menerima pengiktirafan lima bintang bagi kategori inovasi.